



buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



DISEMBER
2022



ISSN 1985 - 7624

9 771985 762001

SAY NO TO SERIOUS HEALTH RISKS

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

Cik Nik Nur Afiqah binti Nik Mohd Jalal

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



ppaterengganu



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

Majlis Penyampaian مجلس قيام مقاين

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PERINGKAT NEGERI TERENGGANU RUL IMAN TAHUN 2022.



DARUL IMAN
TERENGGANU

6 DIS

BERSAMA

9.30 PAGI

WAKTU 1444H

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat Negeri Terengganu 2022

KUALA TERENGGANU, 6 Disember 2022 - Seramai 60 warga perkhidmatan awam Negeri Terengganu terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dalam majlis yang berlangsung di Wisma Darul Iman, hari ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Tengku Seri Bijaya Raja berkata, penghargaan tersebut bagi mengiktiraf pegawai dan kakitangan negeri yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan cemerlang dalam khidmat bakti kepada pentadbiran kerajaan Negeri Terengganu.

Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua pegawai dan kakitangan untuk membuktikan keupayaan masing-masing menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

Puan Fauzilah binti Awam merupakan penerima tunggal dari Perpustakaan Awam Negeri Terengganu(PPAT) yang turut mendapat penghargaan tersebut. Beliau telah berkhidmat selama 35 tahun di PPAT bermula 3 Mei 1987. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Jabatan pada tahun 2006 & 2017.

Semoga dengan pengiktirafan ini akan membangkitkan lagi semangat untuk mencurahkan bakti kepada negeri dan negara serta meningkatkan azam untuk berusaha dengan lebih gigih dan penuh iltizam pada masa akan datang bagi menaikkan lagi imej pengkhidmatan awam.



INFO UMM



Anugerah Dekerja
Jennerlang Bulanan
Disember 2022



ROSMAYUZI BINTI MUHAMMAD
PEMBANTU PUSTAKAWAN S19
BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN
(PD SEBERANG PINTASAN)

Anugerah Dekerja
Jennerlang Bulanan

Disember 2022

SHAHARIAH BINTI MOHD GHANI
PEMBANTU PUSTAKAWAN S19
BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN
(PAD HULU TERENGGANU)

PENULIS TERENGGANU



MAKSLI N.O

RAMLI BIN SELAMAT

Dilahirkan pada 7 Oktober 1957
Berasal dari Bukit Pahang, Kerteh,
Terengganu

KARYA YANG DIHASILKAN

PUISI

- Di Hadapan Buku-Buku
- Negeri Ini, Anak
- Begitu Kata Malam
- Hanya Kata
- Dan Sebagainya

CERPEN


- Belon
- Pembela
- Mencari Buraq
- Menternak Hantu
- Dan Sebagainya

NOVEL

- Utusan Di Darat Asing
- Mencari Misteri
- Penderhaka
- Dan Sebagainya

PEMENTASAN TEATER

- Sampuk, Sang Aktor dan Parasit
- Gelanggang Tok Wali
- Fragmen Tolong
- Dan Sebagainya



ANUGERAH

- Diiktiraf sebagai Munysi Dewan (Sastera) oekh Dewan Bahasa dan Pustaka
- Juara Pekan Teater Pahang
- Hadiah Sastera Kumpulan Utusan
- Hadiah Sastera Kumpulan Utusan - Exxon Mobil
- Hadiah Sastera Perdana
- Hadiah Puisi Kebangsaan Esso - Gapena
- Dan sebagainya



PROGRAM JALINAN KASIH TAUTAN BUDI (JKTB) – MASIH ADA YANG SAYANG BERSAMA KOMUNITI SEKOLAH TUNAS BAKTI, MARANG, TERENGGANU

Pada 4 Disember 2022, PPAT telah mengadakan program bersama Komuniti Asrama Rusila, Marang, bertempat di Asrama Tunas Bakti, Marang, Terengganu sebagai salah satu pengisian Program Jalinan Kasih Tautan Budi (JKTB). Program ini merupakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PPAT yang dirangka dalam usaha mendekati remaja juvana perempuan melalui kaedah pembacaan. Program ini adalah bertujuan untuk memastikan fokus perpustakaan adalah untuk semua pihak termasuk mereka yang berada di sini.

Dengan wujudnya Program Jalinan Kasih Tautan Budi (JKTB) ini, ia membolehkan PPAT memberi tumpuan khusus yang menyeluruh dan memberi peluang yang sama rata kepada golongan ini untuk turut sama menyertai program pembacaan dan aktiviti galakguna perpustakaan yang dijalankan.



BENGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN STRATEGIK PPAT 2021-2025



9 Disember 2022 – Unit Korporat dan Pengurusan Kualiti telah mengadakan Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik PPAT 2021-2025 bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam Selangor. Turut hadir sama adalah Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, Pengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

Objektif program ini adalah untuk menyemak semula tahap pencapaian setiap teras dan strategi yang diaturkan bagi tempoh 2021-2022. Setiap pelan tindakan yang digariskan turut disesuaikan dengan situasi semasa sama ada relevan atau sebaliknya. Hasil perbincangan semua peserta telah menghasilkan satu penambahbaikan terhadap Pelan Strategik PPAT mengikut keperluan semasa jabatan dan kemampuan kewangan.

Bengkel kali ini dimulai dengan taklimat oleh Ketua Unit Korporat dan Pengurusan Kualiti iaitu Puan Noraini binti Shamsuddin dan diteruskan dengan semakan dan perbincangan ahli kumpulan. Peserta bengkel terdiri daripada pegawai-pegawai PPAT dari semua bahagian.

PELAN STRATEGIK
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU
2021 - 2025
SEMAKAN TAHUN 2022



DAN BELANJAKANLAH (APA YANG ADA PADA KAMU) KERANA (MENEGAKKAN) AGAMA ALLAH, DAN JANGANLAH KAMU SENGAJA MENCAMPACKAN DIRI KAMU KE DALAM BAHAYA KEBINASAAN (DENGAN BERSIKAP BAKHIL); DAN BAIKILAH (DENGAN SEBAIK-BAIKNYA SEGALA USAHA DAN) PERBUATAN KAMU; KERANA SESUNGGUHNYA ALLAH MENGASIHI ORANG-ORANG YANG BERUSAHA MEMPERBAIKI AMALANNYA.

AL-BAQARAH 2:195



BAHAYA ROKOK & VAPE KEPADA KESIHATAN



"Asap rokok mengandungi nikotin, tar, karbon monoksida dan lebih 4000 bahan lain yang membahayakan kesihatan"



SERANGAN JANTUNG

Risiko mendapat serangan jantung meningkat kerana jantung terpaksa bekerja keras akibat penyempitan salur darah dan peningkatan kadar denyutan jantung




SERANGAN PARU-PARU

Merosakkan tisu paru-paru yang menyebabkan keupayaan menyerap oksigen terganggu. Perokok juga akan menghidapi batuk yang panjang dan lambat sembah



STROK

Berlaku pemendapan lemak pada dinding darah yang menyebabkan aliran darah terganggu mengakibatkan pembentukan darah beku yang akhirnya menyebabkan stok



KEDUTAN KULIT

Tembakau menyebabkan penebalan kulit dan pemecahan fiber elastik pada lapisan kulit



MATI PUCUK

Meningkatkan risiko mati pucuk dan memcacatkan sperma serta meningkatkan ketidaksuburan



KANSER

Merokok menyebabkan kanser paru-paru, mulut, tekak, oesophagus, buah pinggang, pundi kencing dan kanser serviks



GANGGUAN KESUBURAN

Merokok mengurangkan kesuburan dan wanita merokok berkemungkinan menghadapi kesukaran untuk mengandung serta gangguan kitaran haid




GANGGUAN KEPADA KANDUNGAN

Merokok boleh menyebabkan keguguran, kesukaran semasa bersalin, mendapat bayi yang kurang berat dan kelahiran pra matang

"Kandungan rokok elektronik dan vape ini memudaratkan dan memberi kesan kepada kesihatan"

NIKOTIN

- Ketagih
- Menggalakkan pembekuan darah
- Gangguan pada perut dan usus
- Mengganggu proses perkembangan bayi dalam kandungan



VEGETABLE GLYCERIN

- Iritasi pada lapisan kulit dan mata

BAHAN PERISA DAN PEWARNA

- Mampu membunuh sel iaitu sel paru-paru, otak dan lapisan kulit

PROPYLENE GLYCOL

- Iritasi pada tekak, mata dan kulit
- Iritasi kepada sistem pernafasan dan menyebabkan penyakit asma
- Membebaskan Formaldehyde apabila dipanaskan, boleh menyebabkan kanser

* Sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

**STOP
SMOKING &
VAPING**

SMKRA NETIZEN

Wan Afiq Danial bin Wan Ahmad Warid

Bahayanya rokok tidak mengenal tahap umur seseorang itu remaja atau dewasa. Begitu juga dengan penjualan vape yang lebih mudah untuk mengalakkan para remaja terjebak. Walaubagaimanapun, kesan daripada menghisap rokok atau vape ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu itu sahaja tetapi kepada individu lain tanpa mengira peringkat usia.



Ahmad Adieb bin Mohd Anafiah



Menaikan cukai ke atas penjualan vape di kedai-kedai mungkin akan turut membantu untuk membendung penjualan vape secara berleluasa. Dengan kenaikan harga ini diharapkan akan dapat mengurangkan minat dari kalangan masyarakat untuk membeli vape. Kaedah ini juga diharapkan akan dapat mengurangkan masalah penyakit yang berpunca daripada vape di Malaysia.


Nur Irdina Damia binti Mohd Azman

Vape mahupun rokok merupakan antara faktor penyebab kepada kemudaratan kesihatan manusia. Masyarakat disarankan supaya dapat membendung diri daripada terlalu mengamalkan budaya ini. Ini kerana, kesan kepada kesihatan individu yang menghisap rokok dan vape ini sangat serius seperti masalah jantung, strok, kanser dan pelbagai lagi penyakit yang merbahaya.



Qatadah bin Zakaria

Pada pendapat saya, vape dan rokok adalah merbahaya. Walaubagaimana pun, penjualan vape tanpa kawalan menyebabkan para remaja terdedah untuk mendapatkannya dengan lebih mudah. Pihak-pihak berwajib perlu untuk mengambil beberapa langkah kawalan ke atas penjualan kepada mereka yang di bawah 18 tahun.



Che Wan Johaizal bin Che Wan Embong


Pihak berkuasa perlu mengetatkan undang-undang bagi mengekang penjualan rokok dan vape secara berleluasa. Tindakan penguatkuasaan juga perlu ditingkatkan bagi mengawal penjualan rokok dan vape.



LENSA

SELANGOR INTERNATIONAL BOOK FAIR SIBF 2022

CONNECTING HEART AND MIND



buletin
salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my